

DR. MAHATHIR

kepala mencecah ^(profile)

awan kakinya tetap di bumi

Oleh: Zainuddin Maidin [ZAM]

16 JUL 1971
DATUK Sri Dr. Mahathir 55 yang menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat mulai hari ini adalah paling tepat untuk disifatkan sebagai seorang manusia yang "kepalanya mencecah awan tetapi kakinya tetap di bumi".

Sekali pun beliau telah berada di puncak tetapi tidak mungkin bagi beliau untuk memisahkan keperibadiannya sebagai rakyat biasa yang telah dibuktikannya sekali pun bertukar dari seorang biasa kepada seorang Doktor, Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Kawan-kawannya di Pekan Rabu Alor Setar menganggapnya tidak berubah kerana setiap kali pulang ke Alor Setar beliau akan mengunjungi mereka tetapi

"Kalau negara ini ditawan oleh komunis maka orang Islam di sini akan berjumpa nasib yang sama dengan orang Islam di Khmer, di Vietnam dan di Russia, agama akan hilang dan hancur terus".

selain dari itu, banyak orang yang tidak tahu bahawa dalam banyak hal lain pun beliau tetap berurus dengan perkara-perkara yang setinggi-tingginya kepada yang serendah-rendahnya.

Beliau sampai sekarang pun masih menulis dan menjawab sendiri surat-surat yang kadang-kadang dirasakan oleh pegawai-pegawai atau kakitangannya boleh dijawab oleh mereka sahaja. Ini termasuklah surat kepada pelajar-pelajar atau pertubuhan-pertubuhan pelajar ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran.

Di dalam sepucuk suratnya kepada Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK) berikutan kawat bantahan mereka kepadanya mengenai penarikan balik biasiswa pelajar-pelajar yang terlibat dengan kebangkitan pelajar di dalam tahun 1975, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata "saya percaya sebabnya cable itu dihan-

suratnya itu ada tertulis perkataan "sulit".

Di dalam jawapannya bertarikh 25 November 1975 kepada surat saya itu beliau meminta agar disampaikan perasaan dukacitanya kepada KMUK kerana salah faham tentang maksud perkataan "sulit" yang digunakan oleh setiausaha peribadinya.

Di dalam sepucuk surat lagi bertarikh 30 Julai 1971 kepada saya di London ketika itu yang membayangkan tidak senangnya terhadap kegiatan pelajar Datuk Sri Dr. Mahathir berkata "negara kita sekarang diancam oleh komunis, orang Islam yang ada kebolehan dan mampu menuntut ilmu yang boleh memberi kekuatan kepada kita mempertahankan hak kita lebih asyik dengan usaha menonjol kelebihan keagamaan mereka dan melemahkan kerajaan yang didirikan oleh orang Islam sendiri.

"Kalau negara ini

tar ialah oleh kerana tuan-tuan ingin melihat penuntut-penuntut Melayu khususnya bukan sahaja dapat peluang belajar tetapi juga berhasil pelajarannya."

Aktiviti

"Peluang belajar untuk penuntut yang ingin belajar tidak akan tersekat kerana tindakan kerajaan. Mereka akan dapat balik biasiswa mereka."

"Tetapi ada penuntut yang bukan sahaja tidak ingin belajar tetapi dengan aktiviti-aktiviti mereka telah menyekat penuntut yang lain yang ingin belajar meneruskan pelajaran mereka. Mereka ini mengganggu pelajaran di universiti dengan mengadakan berbagai peristiwa hampir tiap hari berkenaan dengan berbagai issue yang "real" atau "imagined" sehingga kerap kali kuliah-kuliah terdapat kosong, perpustakaan tidak diguna, peperiksaan tidak boleh diambil."

"Sementara penuntut ini berbuat demikian, di institusi-institusi swasta dan di Tunku Abdul Rahman Kolej, penuntut bukan bumiputera tekun belajar dan lulus peperiksaan dengan cemerlang."

Beliau kesal kerana surat itu tidak disebarkan oleh KMUK kepada semua ahlinya tetapi saya memberitahu beliau dengan surat dari London bahawa di

utawan oleh komunis maka orang Islam di sini akan berumpa nasib yang sama dengan orang Islam di Khmer, di Vietnam dan di Russia, agama akan hilang dan hancur terus", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir tidak sahaja menulis rencana-rencana atau buku-buku ilmiah yang bermutu tetapi mengambil tahu tentang perjalanan projek-projek negara yang besar-besarnya tetapi beliau juga menelefon sendiri Dewan

Di dalam simpanannya sekarang ada di antara 30 hingga 40 rencana yang sudah selesai ditulis berhubung dengan nilai h.dup, masyarakat dan ekonomi. Rencana-rencana ini hendak diperbaikinya lagi.

Beliau telah menulis tiga buah buku yang sudah pun diterbitkan iaitu "Malay Dilemma" (haram), "Panduan Perniagaan Kecil" dan "Menghadapi Cabaran."

Dalam kesibukan tugas negaranya beliau mengatur masa paginya di bilik air untuk menulis rencana dan buku dengan menggunakan writing board, membaca semua akhbar termasuk akhbar luar negeri waktu makan tengah hari dan membaca novel atau majalah luar negeri pada waktu malam. Beliau jarang menonton tele-

visyen.

Datuk Sri Dr. Mahathir tidak hanya mengambil tahu tentang perjalanan projek-projek negara yang besar-besarnya tetapi beliau juga menelefon sendiri Dewan

Bandaraya memberitahu mereka bahawa rumput sangat panjang di depan Regent Hotel Kuala Lumpur, lampu-lampu di jalan menuju ke Parli- men dipenuhi dengan serangga dan "tong sam-

pah kecil" sedangkan ramai orang yang berkunjung ke Tasik Perdana.

Beliau disegani dan dihormati oleh rakan-rakannya adalah lebih kerana kepintaran dan ilmunya, ditakuti kerana kecepatannya mengenal antara khayalan dengan kenyataan, antara yang lojik dan "tidak menasabah".

Beliau akan menegur dengan "tajam" sesiapa yang mengemukakan perkara-perkara yang pada fikirannya tidak menasabah atau cuba bermain sandiwara di depannya.

Ketika menjadi anggota Parlimen di dalam tahun enam puluhan Datuk Sri Dr. Mahathir telah menolak khayalan tentang keindahan kampung di negara ini

dengan berkata "kampung-kampung hanya indah pada kad raya sahaja."

"Pada kenyataan sebenarnya kampung-kampung itu berada di dalam keadaan yang kotor, tidak teratur, jalan masuk berlumpur, tidak ada air, paip dan lampu elektrik, rumah-rumah buruk, bumbungnya bocor, lantai berlubang dan sudah pun bergoyang", katanya.

Orang yang mengenalinya dari dekat tahu bahawa beliau adalah seorang realis, nekad, tidak suka buang masa, tidak ada toleransi terhadap kerja main-main atau pura-pura. Beliau suka memastikan sendiri pelaksanaan

LIHAT MUKA 21

Di Simpang Jalan — Pak Pandir —
disiarkan esok — Pengarang

Mahathir akan bawa perubahan

DARI MUKA 1981

sesuatu kerja, cepat mengenali masalah dan pengubahannya.

Beliau tidak menganggap dirinya penting tetapi pegangan dan kepercayaan lebih penting. "Payah-payah saya balik buka klinik", itulah yang selalu diucapkannya bila menghadapi sesuatu keadaan atau tekanan.

Ini bukanlah hanya cakupannya sahaja tetapi beliau telah berbuat demikian. Beliau telah berundur dari aktif di dalam politik UMNO ketika menjelang kemerdekaan sehingga beliau tidak bertanding dalam pilihanraya 1959.

Ini adalah ekoran dari keagalannya di dalam

tindakan membantah beberapa perkara yang tidak disetujuinya menjelang kemerdekaan Malaya pada tahun 1957.

Beliau telah mengetuai satu rombongan menemui Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman (ketika itu Ketua Menteri Malaya), menyampaikan bantahan terhadap pengkekan tentera British di Malaya dan juga membantah lagu "Terang Bulan" dijadikan lagu kebangsaan.

"Ini didorong oleh sentimen anti British ketika itu," katanya baru-baru ini.

Di dalam perjuangan politik, beliau bersama di dalam issue-issue rakyat, beliau bersama-sama

menampal poster anti British dan anti Malayan Union di dalam tahun 1946 dan sampailah kepada beliau disingkirkan dari UMNO di dalam tahun 1969 kerana mahukan pembahagian hak yang adil kepada orang-orang Melayu.

Beliau telah timbul dan tenggelam bersama-sama rakyat.

Di dalam masa berada di luar UMNO beliau terus menyuarakan kepercayaan yang tidak berbelah bagi tentang cara-cara untuk membahagikan kekayaan negara supaya dapat dirasakan bersama oleh orang-orang Melayu ter-

utamanya orang-orang kampung, kaum tani dan kaum nelayan.

Beliau berbuat demikian menerusi tulisan, ucapan-ucapan di seminar dan forum dan pertemuan-pertemuan. Di sebalik popularitinya ketika berada di luar UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir sebenarnya masa itu merasakan kecewaan dan kesepian. Beliau tidak pasti lagi terhadap masa depannya. "Rumah saya pun tidak didatangi kawan-kawan lagi. Mereka takut nak datang," katanya.

Di dalam sepucuk suratnya kepada saya di Kuala Lumpur, ber-

tarikh 23 November 1971, Datuk Sri Dr. Mahathir menulis dari Maha Kliniknya di Alor Setar bahawa harapannya untuk memasuki semula UMNO tipis mengikut "sumber yang boleh dipercayai."

Penting

Di samping itu beliau memberitahu kritiknya terhadap Rancangan Muda tidak disiarkan sama sekali oleh sebuah akhbar Inggeris walaupun beliau telah bercakap perkara itu dengan pemberitanya.

Menjelang kemasukannya semula ke dalam UMNO beliau telah membentangkan kertas

kepada masyarakat kampung

kerjanya mengenai Industrial Farming kepada Seminar Pergerakan Pemuda UMNO Perlis pada 5 Mei 1972.

Di dalam suratnya bertarikh 1 Mei 1972 menyertai kertas kerja itu untuk disiarkan oleh Utusan Malaysia Datuk Sri Dr. Mahathir menulis "saya memandang cadangan yang saya buat ini penting."

"Petani-petani mula merungut kerana Rancangan Perairan Muda tidak memberi keuntungan seperti yang dijangka. Kalau usaha ini hendak dijayakan soal penyatuan tanah dan Industrial Farming mesti dihadapi.

"Rakyat mesti dibiasakan dengan fikiran-fikiran baru tentang pertanian kalau mereka dikehendaki kemudian menerima cara pertanian yang ekonomik dan teratur."

Adalah diketahui bahawa beliau mempunyai keyakinan yang sama sampai sekarang ini.

Keyakinan beliau itu telah diperkuatkan lagi bila beliau menyaksikan sendiri kejayaan mendiang Presiden Park menukarkan wajah kampung di seluruh negara Korea Selatan menerusi gerakan Saemaul Undong (Gerakan untuk

kehidupan yang lebih baik) kepada kawasan kediaman yang teratur, indah dan bersih dengan penduduk-penduduknya yang berpendapatan tinggi, lebih tinggi dari penduduk bandar.

Harap

Datuk Sri Dr. Mahathir dapat diharapkan untuk membawa perubahan yang dinamik kepada masyarakat kampung, menukarkan sikap dan menambah keupayaan mereka menerusi pertanian berkelompok dan juga penempatan kilang-kilang perusahaan kecil.

Apabila saya menemuinya baru-baru ini dan memberitahunya bahawa rakyat benar-benar merasa bangga dan gembira yang beliau akan menjadi Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir lekas menjawab "baru-baru memanglah demikian, dah lama nanti...? Beliau menunjukkan dirinya senantiasa sedar.

Apabila mengambil alih jawatan Presiden UMNO dari Datuk Hussein Onn pada petang Ahad 28 Jun lalu beliau telah menyatakan "saya tidak mungkin dapat sokongan 100%

dan kesedaran ini akan menentukan saya tidak akan lupa daratan."

Beliau juga telah mengingatkan dirinya agar tidak bercita-cita menjadi "raja" apabila beliau menyebut perihal ada pemimpin-pemimpin yang tidak mahu mengundurkan diri sebaliknya mahu mewujudkan satu dinasti.

Tentunya beliau tidak menginginkan perkara itu berlaku di Malaysia, apatah lagi untuk dilakukan oleh beliau sendiri.

Itulah, Datuk Sri Dr. Mahathir yang mulai hari ini menjadi Perdana Menteri bagi kita semua.